

**DOKUMEN- DOKUMEN PERMOHONAN SIJIL PERBADANAN PENGURUSAN.**

Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan semasa permohonan Sijil Perbadanan Pengurusan adalah seperti berikut:

- a) Bayaran Permohonan sebanyak RM50.00 (bagi skim strata yang telah memiliki hm strata sebelum 1 Jun 2015)/RM100.00.
- b) Borang 9 (Permohonan Perakuan Perbadanan Pengurusan/Perbadanan Pengurusan Subsidiari)
- c) Minit Mesyuarat Penubuhan Perbadanan Pengurusan bagi setiap lot/skim
- d)Cukai tanah semasa

AKTA HAKMILIK STRATA 1985  
BORANG 9

[Seksyen 17 dan 17A)

PERMOHONAN PERAKUAN PERBADANAN PENGURUSAN/PERBADANAN PENGURUSAN  
SUBSIDIARI

Kepada \*Pendaftar/Pengarah Tanah dan Galian.....

\*Saya/Kami yang bertandatangan di bawah, sebagai anggota jawatankuasa pengurusan Perbadanan Pengurusan.....bagi bangunan atau tanah yang dipecah bahagi di atas tanah yang diadualkan di bawah, dengan ini memohon di bawah seksyen \*17/17A Akta Hakmilik Strata 1985 untuk sijil \*perbadanan pengurusan/ perbadanan pengurusan subsidiari dikeluarkan kepada perbadanan ini.

2. Permohonan ini ialah bagi .....\*perbadanan pengurusan atau \*perbadanan/ perbadanan-perbadanan pengurusan subsidiari. Harta bersama terhad yang diperihalkan \*atau/dan sempadan atau kawasan harta bersama terhad yang dikenal pasti \*atau/dan ditetapkan adalah seperti yang ditunjukkan dalam pelan khas yang dilampirkan.

3. Sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen \*17/17A Akta Hakmilik Strata 1985, saya kemukakan-

(a) fi yang ditetapkan sebanyak RM.....;

(b)\*satu salinan resolusi komprehensif bersama perakuan yang ditandatangani oleh Pesuruhjaya yang mengesahkan penerimaan salinan resolusi komprehensif itu yang difailkan kepadanya oleh perbadanan pengurusan;

(c)\*suatu pelan khas yang disediakan di bawah subseksyen 17A(2);

(d) resit bagi cukai semasa bagi lot tersebut; dan

(e)\* Sijil perbadanan pengurusan.

Bertarikh pada.....hari bulan.....20.....

.....  
*Anggota Jawatankuasa Pengurusan  
Perbadanan Pengurusan*

## JADUAL

Daerah	*Bandar/Pekan/Mukim	No.Lot	Perihal dan No.Hakmilik

---

*\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*